



Pemilik stadium perlu bertindak

Kuala Lumpur: Stadium bukan milikan tunggal pasukan, sekali gus sukar untuk persatuan bola sepak negeri memantau dan memastikan venue terbahit mematuhi syarat yang ditetapkan sijil pematuhan kod (CCC) atau dikenali sebagai sijil layak menduduki (CF).

Setiasaha Agung Persatuan Bolasepak Malaysia (FAM) Stuart Ramalingam berkata, pihaknya sentiasa memantau perkara terbahit secara berkala memandangkan syarat permohonan lesen kebangsaan dan Konfederasi Bolasepak Asia (AFC) bagi musim 2020.

Beliau berkata, ada antara pasukan masih lagi tidak mendapat sijil berkenaan daripada pihak ketiga, sekali gus mungkin akan mengganggu proses permohonan lesen terbahit.

"Apa yang boleh saya katakan pasukan bola sepak menghadapi sedikit kesukaran untuk memastikan stadium terbahit berada dalam

keadaan selamat kerana fasiliti itu bukanlah milik mereka.

"Sudah tentu untuk memenuhi syarat lesen kebangsaan dan AFC perlu pastikan stadium diiktiraf selamat jika gagal berbuat demikian kemungkinan berdepan dengan masalah nanti," katanya ketika dihubungi, di sini.

Stuart berkata, persatuan bola sepak negeri sentiasa memaldumkan perkembangan terkini berkaitan proses permohonan CCC kepada FAM untuk tindakan lanjut.

"Berkaitan stadium, bangunan terbahit di bawah tanggungjawab pihak berkuasa tempatan dan apa yang boleh dikatakan mereka berusaha ke arah memastikan venue terbahit selamat," katanya.

Stuart berkata, situasi sama turut berlaku di Jepun apabila hampir semua stadium bukanlah milik persatuan bola sepak, namun di bawah pengurusan pihak berkuasa tempatan. "Mereka bekerjasama erat dengan pihak berkuasa tempatan bagi memastikan stadium berada dalam keadaan memuaskan dan memenuhi ciri keselamatan yang ditetapkan," katanya.

Kit Jabil, Stadium Bolasepak Kuala Lumpur, Stadium Tan Sri Dato' Haji Hassan Ali Haniffa, Stadium Johor, Stadium Hang Tuah, Stadium Melaka, Stadium Tun Abdul Razak, Jengka, Stadium Ipoh, Stadium Shah Alam, Stadium UTM, Stadium Shah Alam.

ZAMRI harap pemilik stadium ambil inisiatif penziti ciri keselamatan berkaitan CCC.



STADIUM BOM JANGKA

SENARAI STADIUM TIADA CCC

Stadium Bandaraya, Pulau Pinang
Dibina : 1932
Kapasiti : 25,000 penonton



Stadium Darul Aman
Dibuka : 1962
Kapasiti : 32,387 penonton dalam satu masa



Milik kerajaan negeri Kedah dan diuruskan Kedah State Stadium Corporation

Stadium Sultan Muhammad IV, Kota Bharu
Dibuka : 1967
Kapasiti : 30,000



Stadium Sultan Ismail Nasiruddin Shah

Dibuka : 1967
Kapasiti : 25,000 penonton
Diuruskan Majlis Bandaraya Kuala Terengganu



Stadium Darul Makmur

Dibuka : 1970
Kapasiti : 40,000 penonton dalam satu masa
Dimiliki Perbadanan Stadium Darul Makmur



Stadium Negeri, Kuching

Dibuka : 1989
Kapasiti : 26,000 penonton

Stadium Tunku Abdul Rahman, Paroi
Dibuka : 1992

Stadium Tuanku Syed Putra, Perlis
Dibuka : 1995
Kapasiti : 20,000 penonton

Stadium Majlis Bandaraya Petaling Jaya
Dibuka : 1996
Kapasiti : 25,000 penonton

Stadium Majlis Perbandaran Selayang
Dibuka : 1999
Kapasiti : 16,000 penonton

Stadium Likas, Sabah
Dibuka : 2001
Kapasiti : 35,000 penonton

Stadium Majlis Perbandaran Pasir Gudang
Kapasiti : 20,000 penonton

Stadium Majlis Perbandaran Manjung
Kapasiti : 15,000 penonton

CCC/CF

CCC adalah singkatan bagi 'certificate of completion and compliance' atau sijil siap dan pematuhan.

Turut dikenali sebagai CF iaitu 'certificate of fitness' atau turut disebut sebagai sijil layak menduduki.

CCC ini akan dikeluarkan pihak PBT apabila bangunan siap dan mematuhi keperluan yang ditetapkan PBT.

FC (Sijil/Perakuan Bomba)

Perakuan dikeluarkan kepada premis tertentu terutama yang berkepentingan awam berdasarkan Akta Perkhidmatan Bomba 1988 (Akta 341).

Semua premis ditetapkan perlu mempunyai sijil perakuan bomba yang dikeluarkan Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM).

Pemilik/pengurus/penghuni premis ditetapkan perlu mengemukakan permohonan Perakuan Bomba dalam tempoh 12 bulan dari tarikh CCC dikeluarkan.

